



**DRAF UCAPAN**  
**YB TAN SRI NOH OMAR**  
**MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,**  
**PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PELANCARAN DRAMA HERO**

**PADA**  
**24 OGOS 2016**

**TEMPAT**  
**DEWAN KRISTAL KPKT**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

**Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique,**  
Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan.

**Yang Berbahagia Datuk Haji Mohammad bin Mentek**  
Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan.

**Yang Amat Setia Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji  
Ibrahim,**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Yang Berbahagia Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Penyiaran Malaysia

**Yang Berbahagia Dato' Halimi bin Abdul Manaf**  
Timbalan Ketua Setiausaha Kesejahteraan Bandar KPKT

**Yang Berbahagia Dato' Tam Weng Wah**  
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Pembangunan KPKT

**Yang Berbahagia Dato' Nor Inchun binti Mohamed Salleh**  
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan KPKT

**Yang Dihormati Puan Nasreen Haji Ngasri**  
Penerbit Ns Star Sdn Bhd

**Yang Saya hormati Seluruh Warga KPKT, Pengarah, Pelakon-pelakon, Warga Produksi Drama Hero, tuan-tuan, puan-puan serta rakan media yang dihormati sekalian.**

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita bersama dalam Majlis Pelancaran Drama Hero di dewan yang indah ini. Terlebih dahulu juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas Penganugerahan Pangkat Kehormat yang diberikan sebentar sahaja tadi. Saya merasakan sungguh bertuah pada petang yang berbahagia ini kerana diberi kesempatan juga untuk melancarkan Drama Hero dengan berpakaian Uniform Bomba ini. Sesungguhnya, penghargaan yang diberikan ini amatlah saya hargai. Terima kasih saya ucapkan.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

2. Seperti sedia maklum, drama 13 episod berjudul **HERO** ini adalah sebuah produksi usahasama diantara Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia dan Syarikat NS Star Sdn Bhd. Ianya merupakan cetusan idea oleh **Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan** dibawah pelaksanaan **Yang Amat Setia Datuk Wira Haji Wan**

**Mohd Nor bin Hj Ibrahim** dan mendapat sokongan tidak berbelah bagi daripada **Yang Berhormat Tan Sri Noh Haji Omar**, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3. Secara dasarnya, drama ini adalah merupakan satu platform bagi menghargai sebuah pengorbanan setiap pegawai bomba yang sentiasa memberikan komitmen dalam menjalankan tugas-tugas pemadaman dan penyelamatan tanpa mengambil kira kepentingan peribadi. Sesungguhnya setiap pegawai bomba yang telah dilatih sentiasa akan menerapkan nilai-nilai teras seperti berani, suka menolong, tidak mementingkan diri, sabar dan tidak mudah berputus asa. Dengan sifat dan sikap inilah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Sesungguhnya dengan terhasilnya Drama Hero melalui kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersama NS Star Sdn Bhd serta dikoordinasikan oleh pengarah TV terkenal Bade Hj Azmi, dapat dijadikan satu peringatan dan kesedaran kepada masyarakat umumnya bahawa tugas sebagai pegawai

bomba bukan sahaja mencabar dan berbahaya, malah merupakan satu bidang tugas mulia yang perlu disemat oleh setiap individu.

5. Penggambaran drama hero secara rekodnya bermula pada **25 November 2015** bertempat di Balai Bomba Dan Penyelamat Hang Tuah Kuala Lumpur. Seterusnya penggambaran diteruskan di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Terengganu. Ramai pegawai bomba yang turut terlibat dalam menjayakan penggambaran drama ini bersama barisan pelakon. Sesungguhnya ianya satu pengalaman yang cukup berharga selain menjalankan tugas-tugas hakiki yang telah dipertanggungjawabkan. Syabas dan tahniah di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan. Kepada barisan pelakon, tahniah dan terima kasih juga diucapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Drama Hero ini akan mula ditayangkan pada 5 September 2016, setiap hari Isnin di siaran TV 2. Semoga tayangan ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari penonton. Saya turut mengharapkan dengan adanya Drama Hero ini, masyarakat dapat menyedari bahawa keselamatan kebakaran perlu sentiasa dititik beratkan dalam kehidupan seharian. Semoga kerjasama

yang terjalin ini, dapat diteruskan untuk memberikan sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat diluar sana.

7. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penggambaran Drama Hero ini. Dengan kata-kata tersebut dan lafaz yang mulia,

### **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Saya dengan ini melancarkan “Drama Hero” Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia dengan rasminya.

**Sekian, Walbilahi Taufik Walhidayah Wasalamulaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.**

**Sekian, terima kasih**